

## Pelaksanaan Wakaf Golongan Bukan Islam menurut Perspektif Sarjana Islam Era Pemerintahan ‘Uthmaniyyah’

*Waqf Practise for Non-Muslim According to Islamic Scholars Perspective  
in Osmanli Caliphate Rule*

Nur Ainul Basyirah Alias<sup>\*1</sup>, Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup>The Institute of Islam Hadhari, The National University of Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia; Faculty of Management & Muamalah, Selangor Islamic College University (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author: basyirah90@fsk.upsi.edu.my

**Received:** 04 February 2024; **Accepted:** 16 April 2024; **Published:** 23 April 2024

**To cite this article (APA):** Alias, N. A. B., & Ahmad Sanusi, S. W. S. (2024). Waqf Practise for Non-Muslim According to Islamic Scholars Perspective in Osmanli Caliphate Rule. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 52–64. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.5.2024>

### Abstrak

Amalan wakaf sememangnya merupakan amalan Islam yang bertujuan memberikan kebajikan kepada masyarakat. Ia sentiasa dipelopori oleh umat Islam di setiap wilayah pemerintahan Islam sedangkan para pewakaf tidak disyaratkan mesti beragama Islam. Walau bagaimanapun, jumlah wakaf yang dilakukan oleh orang bukan Islam ketika pemerintahan ‘Uthmaniyyah amat signifikan sama ada kepada kelompok agama mereka atau diberikan kepada manfaat umum. Oleh itu, perbincangan ini bertujuan untuk meneliti konsep & pelaksanaan wakaf golongan bukan Islam yang pernah dicatatkan pada era ‘Uthmaniyyah. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dalam mengumpulkan data daripada pelbagai sumber yang berautoriti dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Kajian mendapati bahawa amalan wakaf orang bukan Islam di dalam pemerintahan ‘Uthmaniyyah telah dilaksanakan dan direkodkan seperti mana wakaf yang dilakukan umat Islam. Golongan bukan Islam turut berwakaf bagi tujuan keagamaan mereka dan juga kebajikan umum namun, terdapat pelbagai isu yang melibatkan tanah wakaf yang dibina rumah ibadat bukan Islam. Kesimpulannya, pendedahan berkaitan konsep dan pelaksanaan wakaf bukan Islam ini dilihat penting dalam memberi input dan pengetahuan kepada masyarakat umum bahkan, ia membantu pihak pengurusan wakaf dalam meneliti keadaan sekiranya golongan bukan Islam ingin melaksanakan amalan wakaf mereka.

**Kata kunci:** Orang Bukan Islam, wakaf, ‘Uthmaniyyah, hukum fiqh

### Abstract

*Waqf* is indeed an Islamic practice aimed at providing welfare to the community. This practice has always been pioneered by Muslims in every territory of Islamic rule while the *waqif* is not required to be Muslim. However, the number of *waqf* performed by non-Muslims during the Ottoman rule was very significant either to their religious group or given to general benefit. Therefore, the discussion aims to examine the concept & implementation related to *waqf* of the non-Muslims that was recorded in the Ottoman era. This study uses the

literature review method in collecting data from various authoritative sources and then analyzed using a thematic approach. This research identified that the practice of waqf by non-Muslims in Ottoman rule was implemented and recorded same as *waqf* performed by Muslims. Non-Muslims perform *waqf* for their religious purposes and public welfare however, there are various issues involving waqf land on which non-Muslim houses of worship are built. In conclusion, the exposure related to concept and the implementation of non-Muslim waqf is seen as important in providing input and knowledge to the general public in fact, it helps the waqf management in examining this situation if any non-Muslims want to practise it.

**Keywords:** Non-Muslims, *waqf*, Ottoman, Islamic Jurisprudence

## Pengenalan

Peluasan kuasa yang berlaku di sepanjang era ‘Uthmaniyyah memberikan ruang kepada masyarakat bukan Islam bernaung di bawah pemerintahan Islam (al-Şallābī, 2011). Malah, di sebahagian besar kawasan awal penguasaan adalah merupakan wilayah yang mempunyai penduduk majoriti bukan Islam seperti di Semenanjung Balkan dan Eropah Timur. Oleh yang demikian, kehadiran ‘Uthmaniyyah sebagai pemerintah turut membawa nilai-nilai dan budaya Islam serta Undang-Undang Syariah untuk diaplikasikan ke dalam kehidupan masyarakat tempatan. Di antara amalan Islam yang awal dan biasa dilaksanakan ketika tempoh penguasaan awal ialah amalan wakaf dan ini secara tidak langsung mewujudkan binaan-binaan yang hebat hasil pembiayaan daripadanya.

Tradisi ini wujud sejak zaman Rasulullah SAW, para sahabat RA serta pemerintahan khilafah Islam setelah itu sehingga ia berterusan diamalkan dengan lebih giat pada era ‘Uthmaniyyah. Menurut Isin & Üstündağ (2008), di antara keunikan pelaksanaan wakaf ketika itu ialah dengan penglibatan orang bukan Islam dalam amalan ini malah, jumlah yang direkodkan juga begitu signifikan. Ia diterima baik dalam kalangan mereka kerana dilihat sebagai satu medium dalam membantu golongan yang memerlukan serta hal kebaikan ini tidak akan mendapat campur tangan daripada pemerintah. Faktor-faktor ini menjadi penyebab kepada golongan bukan Islam untuk bersama-sama melaksanakan amalan wakaf meskipun ia perlu mengikuti undang-undang Islam yang telah ditetapkan seperti mendapatkan kelulusan qadi dan sijil di mahkamah.

Oleh yang demikian, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pemerintah ‘Uthmaniyyah dalam mendepani isu wakaf bukan Islam ini sama ada dari sudut pelaksanaan maupun perbincangan hukum fiqh. Kedua-dua hal ini juga membuktikan kaitan yang jelas dalam keadaan sosio-politik, pembangunan ekonomi dan penyebaran Islam secara lebih menyeluruh sepanjang tempoh pemerintahan ‘Uthmaniyyah terhadap wilayah di bawah penguasaannya. Di sinilah memperlihatkan kebijaksanaan pandangan-pandangan yang diberikan oleh salah seorang mufti ‘Uthmaniyyah iaitu *Seyhulislam* Ebusuud Efendi, mufti khilafah pada ketika itu yang membawa perspektif seiring dengan kehendak syarak dan bersifat kontemporari. Ia bahkan meredakan sedikit ketegangan yang berlaku dalam pemerintahan meskipun terdapat tentangan daripada sarjana Islam lain yang berpendapat beliau bermudah-mudahan dalam mengeluarkan fatwa (Nur Ainul Basyirah, 2021).

## Klasifikasi Golongan Bukan Islam di bawah Pemerintahan ‘Uthmaniyyah

Golongan bukan Islam secara konsep Fiqh Siyasah Syariah dapat dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu kafir *harbi*, *ahlu al-'ahd* dan *ahlu al-zimmah* (Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid & Nur Mohammad Hadi Zahalan, 2019). Jika diteliti dalam sejarah Islam, amalan toleransi agama dan budaya oleh pemerintahan Islam tidak pernah melayan agama lain dengan buruk. Ini ditunjukkan ketika umat Islam menjadi pemerintah di Baghdad dan Cordoba. Golongan Yahudi dan Kristian pada ketika itu ada di antara mereka yang menjawat jawatan penting serta menjadi ilmuan yang dikenali. Mereka bebas mengamalkan agama, budaya dan adat resam yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka (Mulalic, 2009).

Selepas berlaku peluasan kuasa oleh umat Islam di bahagian Eropah Timur terutamanya setelah penguasaan kota Konstantinopel pada tahun 1453M, khilafah ‘Uthmaniyyah menjadi pemerintah kepada pelbagai komuniti masyarakat dan pegangan agama masing-masing. Di antara golongan bukan Islam yang bernaung di dalam wilayah penguasaan ‘Uthmaniyyah ialah:

1. Golongan Kristian Ortodoks
2. Golongan Kristian Katolik
3. Golongan Yahudi
4. Golongan Armenian
5. Golongan Bogomil
6. Golongan Coptic (Kristian di Mesir)
7. Golongan Pagan
8. Golongan Venetian
9. Golongan Kristian Yunani Ortodoks
10. Golongan Georgian
11. Golongan Sabaean
12. Golongan Kristian Maronit

Bagi memastikan sesebuah pemerintahan Islam sentiasa harmoni dan aman, Islam menggariskan beberapa undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hubungan umat Islam dengan bukan Islam. Sebagai contoh:

- a. ‘*Ahdname* dan hak-hak orang bukan Islam

Oleh kerana terdapat ramai penduduk bukan Islam di bawah pemerintahan ‘Uthmaniyyah, perkara berkaitan deklarasi keamanan (‘*ahdname*), hak-hak kelompok bukan Islam termasuklah keadilan sosial telah dibincangkan oleh para ‘ulama ketika zaman tersebut. Penelitian bagi isu-isu ini perlu diperhalusi bagi memastikan rakyat tidak didiskriminasikan oleh kerana perbezaan agama dan bangsa mereka. Ini juga penting bagi memperlihatkan sikap toleransi Islam terhadap golongan bukan Islam yang mempunyai pandangan negatif terhadap pemerintahan Islam.

Menurut İnalcık (2012), pemberian hak kepada orang bukan Islam pada kebiasaannya ditulis dalam ‘*ahdname* dan ia akan diserahkan kepada kelompok tersebut. Jika dilihat, amalan ini telah dilaksanakan sejak daripada pemerintahan Sultan ‘Uthmaniyyah pertama iaitu ‘Uthman I (1299M-1320M) tetapi pada ketika itu ia disebut *istimâlet*. Kemudiannya, penyerahan ‘*ahdname* ini telah dilihat berlaku secara meluas pada zaman Sultan Mehmet II

ketika mana Kota Konstantinopel berjaya dibuka pada tahun 1453M. Selain itu, situasi yang sama turut berlaku kepada penduduk Bosnia & Herzegovina yang beragama Kristian Franciscan yang menerima ‘ahdname’ daripada Sultan Mehmet II ketika peluasan kuasa di wilayah tersebut pada tahun 1463M. Secara umumnya, penjanjian keamanan ini dilakukan demi menjamin keselamatan nyawa, harta benda dan kebebasan pergerakan serta aktiviti mereka (Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali & Shamsul Azhar Yahya, 2019).

Sebagai contoh di Sarajevo, pegawai tinggi seperti Gazi Husrev Beg dan Siyavus Pasha mewujudkan penempatan dan rumah ibadat bagi orang Yahudi yang berhijrah dari Sepanyol ke Bosnia & Herzegovina. Begitu juga dengan pembinaan gereja bagi golongan Kristian Ortodoks (Riedlmayer, 2005). Situasi ini berlaku kerana golongan Yahudi dan Kristian pada ketika itu dikategorikan sebagai orang miskin dan perlu diberikan bantuan oleh pemerintah ‘Uthmaniyyah.

#### b. Sistem *Millet*

Dalam penulisan Nur Ainul Basyirah Alias (2021), sistem *millet* dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah berfungsi dalam mengiktiraf pentadbiran agama selain agama Islam seperti yang ditetapkan dalam undang-undang Islam. Ia seterusnya menjadikan komuniti agama yang mempunyai ketua masing-masing mempunyai hak autonomi dalam menetapkan undang-undang dan pentadbiran yang bebas bagi pengikutnya. Ini termasuklah kebebasan mengurus organisasi, rumah ibadat dan hal ehwal berkaitan agama. Mereka juga dapat mengamalkan amalan agama masing-masing di samping perlu menghormati pemerintah ‘Uthmaniyyah serta membayar cukai (*jizyah*). Pandangan ini turut dibincangkan oleh Özden (2007) yang menjelaskan sistem *millet* ini berkait dengan hubungan undang-undang dan pentadbiran di antara kerajaan ‘Uthmaniyyah dengan komuniti keagamaan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, asasnya masih sama iaitu tidak bermaksud kepada pengabaian golongan lain selain Islam atau memaksa mereka untuk memeluk Islam.

Jika diteliti dalam sejarah, sistem ini sebenarnya sudah wujud sebelum ini lagi, namun begitu pada era kerajaan ‘Uthmaniyyah ia dijadikan sebagai sebuah institusi penting bagi menstabilkan pemerintahan. Ini wajar dilaksanakan memandangkan masyarakat dalam wilayah penguasaan khususnya di Semenanjung Balkan adalah terdiri daripada golongan bukan Islam. Malah, disebabkan sentimen agama juga mereka mampu untuk melakukan pemberontakan dalaman seterusnya menjatuhkan pemerintahan ini. Melalui sistem *millet* ini dapat dilihat bahawa catatan sejarah yang ditulis oleh golongan bukan Islam menunjukkan pemerintah tidak campur tangan tentang hal ehwal agama meskipun mereka pada dasarnya memusuhi pemerintahan ‘Uthmaniyyah (Mulalic, 2009).

### **Amalan Wakaf ‘Uthmaniyyah**

Menurut pandangan sarjana Islam iaitu Maksudoğlu (2006), maksud wakaf dari sudut istilah syarak bererti harta atau sejumlah kekayaan atau sebagainya yang didedikasikan untuk manfaat pewakaf bagi meraih keredhaan Allah SWT. Pemilikan aset wakaf pula diberikan kepada Allah SWT dan pewakaf tidak mempunyai hak ke atasnya kerana tujuan pembinaan wakaf hanya tertumpu kepada mendapat ganjaran daripada Allah SWT semata-mata. Pada kebiasaananya, pewakaf akan mewakafkan harta berupa tanah atau bangunan (harta tidak alih) atau mereka juga boleh memilih untuk berwakaf menggunakan harta alih seperti kereta, wang tunai dan sebagainya.

Amalan wakaf dimulakan oleh Rasulullah SAW meskipun sebelum itu telah wujud pelaksanaan kebaikan yang berkonsepkan wakaf ketika zaman Nabi Ibrahim AS dengan perbuatan baginda yang mendirikan kaabah di Mekah al-Mukarramah (Solikhul Hadi, 2015). Amalan ini kemudiannya dipraktikkan dalam setiap pemerintahan kerajaan Islam di serata dunia secara meluas, termasuklah ketika pemerintahan khilafah ‘Uthmaniyyah yang menguasai wilayah Anatolia, Mesir, sebahagian Timur Tengah dan Semenanjung Balkan sekitar abad ke-14M sehingga abad ke-19M. Perbincangan ini menekankan berkaitan amalan wakaf ‘Uthmaniyyah kerana ia dilihat pada era tersebut wakaf telah dibangunkan dengan menyeluruh serta mempunyai kaitan yang dekat dengan setiap individu dalam masyarakat.

Ketika pemerintahan ‘Uthmaniyyah, wakaf merupakan sesuatu yang didapati daripada pendapatan negara hasil daripada cukai tanaman, sewa rumah, kedai, tempat mandi awam dan pinjaman kewangan yang mempunyai faedah<sup>1</sup>. Dana wakaf ini kemudiannya diperuntukkan untuk menampung institusi seperti masjid, sekolah, hospital, rumah kebaikan, dapur awam, kubu, jambatan, makanan burung, pancuran air dan tabung wang hantaran untuk rakyat yang ingin berkahwin (Masters, 2009). Bagi memenuhi keperluan masyarakat, pelbagai jenis wakaf yang dilaksanakan dalam khilafah ‘Uthmaniyyah seperti wakaf berunsurkan khidmat kesihatan, pendidikan, keagamaan, peruntukan makanan, wakaf tempat awam, wakaf kebersihan dan sebagainya. Melalui kepelbagaian wakaf ini telah mewujudkan institusi wakaf yang memberikan perkhidmatan kepada semua individu dalam sesebuah tempat tanpa mengira latar belakang hidup.

Menurut penulisan Razali Othman (2015), gambaran tentang kepentingan peranan wakaf dinukilkkan seperti berikut:

*Insan dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima pendidikan di sekolah wakaf, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan bila insan ini meninggal dunia, diletakkan dalam keranda dan dikebumikan di tanah kubur yang diwakafkan.*

Menurut Serdar (2015) pula, amalan wakaf boleh dilaksanakan secara individu atau juga sekumpulan orang. Oleh itu, setiap anggota masyarakat masih boleh mewakafkan harta mereka secara berkumpulan bagi menubuhkan sebuah institusi wakaf yang memerlukan pembiayaan yang besar.

Antara amalan wakaf yang menonjol dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah ialah wakaf tunai. Terdapat pandangan mendakwa bahawa amalan ini dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi manakala, pendapat kedua menyatakan ia dimulakan seawal abad ke-8M melalui fatwa yang dikeluarkan oleh Imam Zufar iaitu salah seorang ulama dalam mazhab Hanafi. Seterusnya, pandangan ketiga pula merekodkan bahawa wakaf tunai mula diamalkan sejak abad ke-12M semasa dalam pemerintahan Ayyubiyyah di Mesir (Razali Othman, 2015). Namun begitu, dalam penulisan Muhammad al-Sayyid Yusuf (2012) pula dinyatakan bahawa amalan ini sudah diamalkan sejak awal abad ke-2 Hijrah lagi. Ini dibuktikan melalui fatwa Imam al-Zuhri (671M-741M) yang menggalakkan wakaf dinar dan dirham untuk kebaikan umat Islam dengan menjadikan wang tersebut sebagai modal dan keuntungannya disalurkan kepada tabung wakaf pada ketika itu.

<sup>1</sup> Pinjaman wang beserta faedah ini tidak dipersetujui oleh para ‘ulama dari Tanah Arab kerana ia merupakan amalan riba, namun ‘ulama ‘Uthmāniyyah merasakan bahawa ia dibenarkan dengan syarat tidak melebihi kadar 10%.

Uniknya, wakaf tunai ini juga dikatakan sebenarnya merupakan amalan yang berasal daripada khilafah ‘Uthmaniyyah. Ini termasuklah pelaksanaannya secara meluas di wilayah Semenanjung Balkan seperti Bosnia dan Herzegovina. Pada awalnya, amalan ini dilarang di Tanah Arab tetapi kemudian ia direkodkan wujud di Syria, Mesir dan Sudan. Malah, terdapat perdebatan yang berlaku di antara para ulama ‘Uthmaniyyah disebabkan pandangan mereka berkenaan keharusan wakaf tunai. Hal ini demikian kerana ia merupakan harta alih yang mudah untuk diselewengkan dan mungkin menghilangkan elemen wakaf iaitu prinsip pengekalan harta. Kebiasaannya, cara berwakaf dengan wang tunai ini ialah melalui pelaburan wang kepada peminjam dan keuntungan yang diperoleh melalui faedah pinjaman akan diwakafkan. Manakala, cara kedua pula melalui kutipan wang terkumpul daripada para pewakaf dan kemudianya dibina institusi wakaf (Razali Othman, 2015).

Secara ringkasnya bagi kaedah yang pertama, keuntungan tersebut dikaitkan dengan amalan *riba* dan ia menjadi isu yang sangat kontroversi dalam pengamalan wakaf tunai kerajaan ‘Uthmaniyyah. Pada awalnya, amalan wakaf tunai sebegini diharamkan tetapi ia difatwakan harus oleh mufti khilafah ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M dengan mengambil cara kontrak jual beli *baī’ al-inah* (Akgunduz & Ozturk, 2011). Pengamalan wakaf tunai mula direkodkan sekitar tahun 1423M di wilayah Edirne dan diluluskan oleh mahkamah pada awal abad ke-15M untuk dipraktikkan oleh orang ramai. Kemudian, ia mula menjadi pilihan masyarakat dan jumlah amalan ini meningkat setiap tahun jika dibandingkan dengan amalan wakaf harta tidak alih. Melalui peningkatan tersebut, wakaf tunai menjadi satu kaedah penting dalam menjana ekonomi khilafah ‘Uthmaniyyah. Hal ini mencetuskan perdebatan dalam kalangan ulama ketika itu yang tidak bersetuju dengan fatwa keharusan amalan wakaf tunai ini demi menjaga kepentingan umat Islam yang akan terdedah kepada perbuatan *riba*. Tidak dinafikan walaupun ia sesuatu yang mudah diamalkan, tetapi hukum berkaitan wakaf tunai ini menjadi hal yang tidak berhenti dibincangkan berabad lamanya (Özcan, 2006).

### **Pelaksanaan Wakaf Golongan Bukan Islam**

Apabila membincangkan pelaksanaan wakaf bukan Islam, ia merangkumi beberapa isu yang perlu dibincangkan secara tidak langsung berkaitan undang-undang tanah kerana ia merupakan salah satu harta yang harus untuk diwakafkan. Undang-undang yang melibatkan tanah rampasan bagi wilayah yang dikuasai oleh khilafah ‘Uthmaniyyah telah digubal berikutan peluasan kuasa yang begitu pantas. Oleh yang demikian, menurut Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali & Shamsul Azhar Yahya (2019) sistem tanah yang dilaksanakan oleh khilafah ‘Uthmaniyyah seperti sistem tanah *miri* dan sistem *timar* telah melibatkan tanah wakaf secara langsung.

Khilafah ‘Uthmaniyyah menjadikan mazhab Hanafi sebagai mazhab rasmi kerajaan dan ia turut terpakai di wilayah taklukannya. Ini dilihat dalam penulisan *Majalla-i Ahkam-i Adliyye* yang merujuk kepada kebanyakan hukum fiqh dari perspektif ulama Hanafi (Akgunduz & Ozturk, 2011). Ia juga merangkumi hukum fiqh dan fatwa dalam pelaksanaan wakaf. Antara perkara yang diperdebatkan para ulama ketika itu ialah isu keharusan wakaf harta alih dan harta tidak alih, keharusan wakaf tunai, pemilikan tanah wakaf yang dijadikan tanah kerajaan (tanah *miri*) serta wakaf orang bukan Islam iaitu wakaf gereja.

Apabila berlaku salah faham berkenaan wakaf gereja ini, *Seyhulislam Ebusuud Efendi* kembali mendefinisikan istilah wakaf gereja dengan lebih fleksibel melalui cara meletakkan wakaf gereja ini dalam kategori wakaf *zurrī* (wakaf keluarga). Namun begitu, ia bukanlah seperti konteks ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah tetapi menjurus kepada

komuniti paderi di gereja sebagai sebuah keluarga. Melalui wakaf ini juga, dibenarkan untuk manfaat harta tersebut diberikan kepada golongan miskin serta golongan yang bergantung hidup dengan gereja tersebut (Kermeli, 1997). Tindakan tegas oleh pemerintah ‘Uthmaniyyah seperti merampas harta wakaf gereja ini dilakukan kerana terdapat golongan bukan Islam yang memohon status wakaf hanya semata-mata untuk menahan tanah dan tapak gereja daripada diambil oleh khilafah ‘Uthmaniyyah. Perbuatan ini dilakukan kerana mereka mengetahui undang-undang wakaf yang berkuat kuasa dapat menghalang sebarang campur tangan pemerintah.

Sebagaimana yang dapat diteliti dalam dokumen wakaf ‘Uthmaniyyah, pengamalan wakaf oleh orang bukan Islam seperti di Bosnia and Herzegovina telah dilakukan oleh orang yang kaya dalam komuniti mereka. Apabila ekonomi mereka semakin kukuh maka semakin ramai antara mereka yang berwakaf. Antara cara yang dilaksanakan oleh gereja mereka untuk mempraktikkan wakaf adalah dengan melalui harta penganutnya yang tidak mempunyai pewaris (Nur Ainul Basyirah, 2021). Ia akan disalurkan terus kepada pihak gereja dan kegunaannya adalah terhad kepada keperluan komuniti gereja sahaja. Tidak seperti wakaf orang Islam yang pada ketika itu menyumbang kepada pembangunan infrastruktur umum seperti pembinaan perpustakaan, paip air, *hammam* dan lain-lain.

Menurut Mujić (2019), pelaksanaan wakaf ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada dokumen wakaf dan pembelian kebun Gethsemane<sup>2</sup> di Jerusalem. Hal ini dicatatkan pada tahun 1681M bersamaan tahun 1092H dengan menyatakan wakaf tersebut telah dilakukan oleh tiga beradik Branković<sup>3</sup> daripada Sarajevo iaitu Pavle, Jakov dan Antun. Mereka membeli kebun tersebut mengikut undang-undang Syariah dan mendapat sokongan paderi Franciscan yang menetap di gereja *al-'amud* dalam kawasan tanah suci al-Quds. Hal ini kerana di tempat ini terdapat sebuah gua di mana menurut kepercayaan orang Kristian merupakan tempat kelahiran Maryam, ibu Nabi Isa A.S. Kawasan ini yang mempunyai pokok tin, zaitun serta aset lainnya telah diwakafkan kepada orang Kristian yang miskin dan memerlukan bantuan.

Antara contoh wakaf golongan bukan Islam di wilayah Anatolia ialah wakaf seorang lelaki bernama Baradoglu Magdis Giregos di Amasya. Beliau dengan rela hati menubuhkan dana wakaf bertujuan untuk menyelenggara dan membaiki pancuran air. Selain itu, pada tahun 1497M di Istanbul telah diwujudkan dana wakaf yang diasaskan oleh orang Kristian bernama Duka Veled-i Petros. Ia hanya berfungsi untuk membebaskan hamba Kristian yang berada dalam tahanan penjara. Bagi ketetapan wakafnya, beliau mensyaratkan untuk membebaskan hamba yang tidak mempunyai kesalahan berkaitan penipuan sahaja (Anon, 2014).

Selain itu, terdapat wakaf berskala kecil seperti agihan makanan kepada orang miskin yang dilakukan mereka namun, jumlahnya tidak terlalu signifikan dan memberi impak yang besar kecuali kepada komuniti terdekat terutamanya apabila penstrukturran penempatan dibahagikan kepada masyarakat mengikut agama masing-masing. Di samping itu, peningkatan jumlah umat Islam di Bosnia and Herzegovina pada ketika itu juga memperlihatkan mereka melakukan amalan wakaf ini setelah memeluk agama Islam.

<sup>2</sup> Sebuah kawasan yang suci bagi penganut agama Kristian. Terletak di Jerusalem di kawasan Madrasah al-Salahiyya.

<sup>3</sup> Ia juga ditulis sebagai Brajković. Seluruh susur galur Brajković merupakan golongan bangsawan dan terhormat serta mendapat keistimewaan yang diberikan oleh Vienna.

Selain di wilayah Anatolia dan Semenanjung Balkan, wakaf bukan Islam turut dilaksanakan oleh kelompok Coptic<sup>4</sup> di Mesir bagi menampung institusi dan masyarakat mereka. Mereka melakukan wakaf secara meluas di Kaherah dan tempat-tempat lain. Ini boleh dilihat daripada tindakan tokoh-tokoh penting golongan tersebut yang mewakafkan sebahagian besar harta mereka bagi tujuan wakaf pada abad ke-18M. Sebagai contoh, Ibrahim al-Jawhari yang mewakafkan tanah dan pendapatannya untuk gereja, biara serta institusi lain yang berkaitan. Amalan ini turut dilaksanakan pada abad ke-19M oleh Tadrus Efendi ‘Arayan yang menyumbangkan bangunan dan hartanah beliau untuk golongan miskin dan keperluan gereja Coptic. Di samping itu, golongan Kristian Maronit dan golongan Kristian Yunani Ortodoks di Mesir juga dicatatkan telah melakukan amalan wakaf ini terhadap komuniti mereka khususnya kepada individu yang miskin serta gereja dan biara yang dibina (Baer, 1997).

Walaupun ia tidaklah sebanyak yang dilakukan oleh umat Islam, tetapi ia menunjukkan satu bentuk cara berwakaf oleh orang bukan Islam di wilayah-wilayah penguasaan ‘Uthmaniyyah sepanjang kira-kira tempoh 625 tahun tersebut. Ini termasuklah wakaf mereka terhadap masyarakat awam sehingga peruntukan kepada gereja-gereja. Menurut Akgunduz (1996), sebab utama mereka melakukan hal sedemikian adalah kerana ia berkaitan dengan hal keagamaan dan tindakan ini hanya dibenarkan untuk pembentukan gereja dan sinagog. Mereka turut menegaskan seruan tersebut wujud di dalam kitab Taurat dan Injil yang diamalkan oleh mereka. Selain itu, wakaf orang bukan Islam yang dibenarkan dan diterima dalam Islam juga ialah jika ia diberikan kepada orang miskin termasuklah golongan paderi.

### **Perspektif Ulama ‘Uthmaniyyah berkaitan Isu Wakaf Golongan Bukan Islam**

Salah satu amalan wakaf yang dilaksanakan dan diiktiraf dalam khilafah ‘Uthmaniyyah khususnya di Semenanjung Balkan adalah wakaf golongan bukan Islam sama ada untuk masyarakat am atau dikhuluskan hanya untuk tempat ibadat mereka. Dalam hal ini, dicatatkan bahawa amalan wakaf orang bukan Islam ini juga turut diterima dari sudut mazhab Hanafi yang merupakan mazhab rasmi khilafah ‘Uthmaniyyah. Malah, bagi ulama mazhab lain seperti mazhab Syafie, mereka berpendapat bahawa wakaf yang dilakukan oleh orang bukan Islam adalah sah dan diterima walaupun ia diberikan kepada masjid. Sebagaimana yang dibincangkan dalam prinsip wakaf, amalan ini dilakukan untuk mendekatkan (*taqarrub*) diri kepada Allah s.w.t. tetapi bagi golongan bukan Islam pula ia bukanlah disebabkan niat tersebut (Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji, 2016).

Oleh itu, situasi ini bukanlah hal yang bertentangan dengan syariat Islam malah ia sangat digalakkan demi kebaikan pemberi sedekah dan juga masyarakat umum. Malah, ia bukanlah satu perkara yang asing dalam khilafah ‘Uthmaniyyah. Ini terbukti melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (al-Hafiz al-Munziri, 2013):

Terjemahan: Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menyalimi kebaikan orang mukmin yang diberikan di dunia dan akan dibalas di akhirat. Sedangkan, orang kafir diberi makan kerana kebaikan-kebaikan yang dikerjakan kerana Allah s.w.t. di dunia hingga ia menuju akhirat tanpa memiliki suatu kebaikan pun yang boleh dibalas.<sup>5</sup>

<sup>4</sup> Kelompok Coptic merupakan golongan komuniti Kristian yang terbesar di Timur Tengah.

<sup>5</sup> Hadith riwayat Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, Jil. 7, bab *jaza’ al-mukmin bi hasanatihi fi al-duniā wa al-akhīrah wa ta’jil hasanāti al-kāfir fi al-duniā*, kitab *sifāt al-qiyāmah wa al-jannah wa al-nār*, hadith no 2911, hlm. 196.

Ahmad Irdha Mokhtar (2016) berpendapat bahawa terdapat empat perkara yang boleh diklasifikasikan dalam hal seperti dalam hadis tersebut iaitu:

1. Wakaf bukan Islam yang dianggap sebagai maksiat dalam agama Islam dan agama lain seperti contoh mewakafkan untuk penyamun jalanan. Ulama sepakat akan hal ini bahawa ia tidak sah;
2. Wakaf bukan Islam yang dianggap ibadah dalam agama Islam dan agama lain seperti contoh mewakafkan harta kepada golongan fakir miskin. Hal ini sah menurut para ulama;
3. Wakaf bukan Islam yang dianggap ibadah bagi agama lain tetapi merupakan maksiat dalam agama Islam contohnya mewakafkan gereja dan kuil. Majoriti para ulama mengatakan ia tidak sah walaupun ada sebahagian kecil yang mengatakan ia sah;
4. Wakaf bukan Islam yang dianggap ibadah bagi agama Islam tetapi maksiat bagi agama lain iaitu apabila mewakafkan masjid.

Oleh yang demikian, perbuatan golongan bukan Islam untuk berwakaf tidaklah salah secara total. Ini kerana, mereka juga dijanjikan oleh Allah s.w.t. untuk mendapat ganjaran di dunia sekiranya mereka berbuat kebajikan. Pada dasarnya, perbuatan menahan harta bagi orang yang sudah meninggal dunia telah lama diamalkan dan sudah menjadi kebiasaan di Semenanjung Balkan sebelum ia diperintah oleh khilafah ‘Uthmaniyyah. Ia dilakukan oleh orang bukan Islam terutamanya bagi komuniti yang berfahaman *monasticism*<sup>6</sup>. Oleh yang demikian, apabila wilayah tersebut dikuasai oleh pemerintah Islam, para sarjana Islam mula membincangkan tentang status tanah dan bangunan yang dimiliki melalui amalan ini kerana ia telah menjadi hak milik kerajaan. Hal ini juga mendatangkan persoalan yang pelbagai kerana pengamalannya mirip kepada wakaf yang dilakukan oleh umat Islam. Situasi ini menjadi cabaran buat pemerintah dan ulama pada ketika itu untuk mengklasifikasikan status sah harta pemilikannya. Walau bagaimanapun, khilafah ‘Uthmaniyyah menghormati amalan ini dan pihak gereja akhirnya mendapat pengecualian cukai serta memperoleh keistimewaan sebagai pemilik tanah tersebut seperti yang mereka dapat semasa pemerintahan Byzantium (Kermeli, 1997).

Walau bagaimanapun, wakaf gereja ini tidak selari dengan pandangan mazhab Hanafi. Ia kemudiannya dibincangkan dan seterusnya menggunakan fatwa daripada *Seyhulislam* khilafah ‘Uthmaniyyah iaitu Ebusuud Efendi pada abad ke-16M. Dalam tempoh masa yang sama, beliau juga turut membincangkan undang-undang berkaitan tanah dan cukai yang kedua-duanya mempunyai kaitan dengan isu wakaf gereja ini. Sehubungan dengan itu, dalam penulisan Kermeli (1997) terdapat dua keputusan fatwa berkaitan wakaf gereja yang dibuat iaitu:

1. harta yang diwakafkan untuk paderi, orang miskin, membina jambatan dan air pancur adalah sah dan dibenarkan. Ia akan direkodkan dan mendapat sijil wakaf seperti mana wakaf biasa;
2. harta yang diwakafkan untuk gereja adalah tidak sah walaupun *qāḍī* mengizinkannya untuk ditulis di dalam dokumen wakaf.

---

<sup>6</sup> Kepercayaan *monasticism* ini dikaitkan dengan cara beragama yang menumpukan kehidupan untuk melakukan amalan kerohanian. Ia boleh dilihat di dalam agama Kristian, Buddha dan Hindu.

Sebagaimana yang dicatatkan dalam penulisan sejarah ‘Uthmaniyyah, amalan wakaf pada abad ke-15M sehingga abad ke-16M telah berkembang pesat dengan pelbagai cara pelaksanaannya. Oleh itu, ia juga berhadapan dengan pelbagai permasalahan yang timbul dan perlu segera diselesaikan oleh sultan demi menjamin kestabilan dan keamanan wilayah yang dikuasai. Hal ini kerana, institusi wakaf yang dibina merangkumi hal berkaitan pendidikan, kesihatan, makanan, air, kemudahan perhubungan, keagamaan sehinggalah hal-hal yang kecil seperti makanan untuk haiwan di jalan. Kesan amalan wakaf dan pengaruhnya yang besar terhadap khilafah ‘Uthmaniyyah menjadikan ia perlu diberikan perhatian dalam setiap pemerintahan sultan.

Selain daripada pembinaan institusi wakaf, hal yang juga penting dalam merealisasikan amalan ini ialah dengan menulis dokumen wakaf (*waqfiyyah*) yang menggambarkan perjalanan dan pengurusan wakaf tersebut. Walaupun ia bukanlah satu keperluan dalam undang-undang, tetapi pewakaf digalakkan untuk melakukannya. Melalui penulisan dokumen ini, segala kemahanan pewakaf akan dilaksanakan mengikut niatnya oleh *mutawalli*. Semua amalan wakaf yang dilakukan ini akan diberikan sijil oleh mahkamah sebagai tanda perekodan wakaf mereka dan ini melindungi harta wakaf tersebut daripada dicerobohi (Meier 2011).

Oleh itu, kebijaksanaan dalam mengeluarkan fatwa dan hukum agama daripada mufti, sama sekali dapat menyelesaikan salah faham dan menghentikan pemberontakan dalaman yang ingin dilakukan kelompok masyarakat kerana tidak berpuas hati. Peranan besar ini perlulah digalas oleh orang yang berpengetahuan luas dalam bidang agama dan dapat mempengaruhi sultan dalam membuat satu-satu keputusan. Oleh itu, salah seorang tokoh yang penting dalam hal ini ialah *Seyhulislam Ebusuud Efendi*, mufti khilafah ‘Uthmaniyyah.

### ***Seyhulislam Ebusuud Efendi***

Ebusuud bin Muhammad bin Mustafa el-Imad atau digelar Hoca Çelebi dilahirkan pada 30 Disember 1490M di Istanbul. Beliau mendapat pendidikan pertama daripada ayahnya, Iskilipli Seyh Muhyiddin Mehmed Efendi iaitu teman rapat dan ulama kepada Sultan Beyazit II. Sepanjang hidupnya, beliau pernah berkhidmat sebagai guru, kadi dan *kazasker* (kadi ketenteraan) (Sariyannis, 2015). Pada tahun 1545M beliau dikurniakan gelaran *Seyhulislam* iaitu ketua dalam hierarki ulama khilafah ‘Uthmaniyyah pada usia beliau 55 tahun. Selain itu, beliau berkesempatan untuk berkhidmat dengan Sultan Suleyman I dan Sultan Selim II yang memerintah ketika era kegemilangan kerajaan tersebut. Oleh itu, walaupun ketika umurnya mencecah 75 tahun beliau masih lagi merupakan di antara tokoh paling berpengaruh dalam khilafah ‘Uthmaniyyah kerana mempunyai pengalaman yang luas (Kermeli, 1997). Tokoh ulama mazhab Hanafi dalam khilafah ‘Uthmaniyyah ini sangat berjasa dalam mengeluarkan fatwa-fatwa dan membantu pemerintah dalam menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku berkaitan wakaf. Beliau juga sangat berpengaruh dalam hal politik ‘Uthmaniyyah dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini masyarakat sebelum mengeluarkan sebarang fatwa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan wakaf. Namun begitu, beliau juga tidak terlepas daripada kritikan apabila fatwa dan pandangan yang dikeluarkan oleh beliau tidak dipersetujui oleh beberapa ulama termasuklah isu wakaf tunai, wakaf gereja dan peruntukan kanun tanah kerajaan.

Akgunduz (1994) menerangkan bahawa penjelasan berkaitan kanun tanah kerajaan ini boleh dilihat dalam kitab Ebusuud Efendi iaitu *Arazi-yi Haraciyye ve Öşriyye Hakkında Kanun ve Fetvalar*, manakala isu dan penjelasan berkaitan wakaf tunai boleh disemak dalam

kitab *Risale fi vakfi'l-menkul ve 'n-nukud*. Pendapat beliau juga dilihat banyak berkait dengan toleransi orang bukan Islam yang tinggal di bawah penguasaan ‘Uthmaniyyah. Hal ini menyebabkan beliau dikatakan cenderung untuk bermudah-mudah dengan pelbagai perkara berkaitan Islam. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa fatwa beliau berkenaan pengharusan wakaf tunai memberikan kemudahan dan menyebabkan perkembangan yang pesat dalam penubuhan institusi wakaf sehingga sekarang. Usaha dan jasa beliau dalam mengekalkan ijihad dalam beberapa transformasi yang berlaku bagi amalan wakaf telah memberi manfaat kepada umat Islam dalam mengembangkan lagi peranan wakaf dalam masyarakat (Nur Ainul Basyirah, 2021).

## Kesimpulan

Situasi dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah yang mempunyai majoriti masyarakat bukan Islam merupakan satu cabaran kepada pemerintah dalam menguruskan hal-hal berkaitan golongan tersebut. Lebih-lebih lagi apabila ia berkait rapat dengan perundangan Islam serta amalan yang dibenarkan orang bukan Islam terlibat dengannya seperti wakaf. Hal ini kerana, ia merupakan isu yang boleh menjadi kontroversi dalam kalangan orang Islam jika ia tidak diuruskan dengan baik. Malah, amalan wakaf daripada golongan bukan Islam ini membuka dimensi perbincangan dalam fiqh serta menyediakan model untuk masyarakat pada masa kini yang berhadapan dengan isu tersebut tanpa menyebabkan salah faham daripada mana-mana pihak. Tidak dinafikan, wakaf dilihat mampu menjadi salah satu instrumen dakwah kepada orang bukan Islam jika diberikan pendedahan yang sewajarnya kerana ia berunsurkan kebijakan umum.

## Rujukan

- Akgunduz, A. (1994). “Ebüssuûd Efendi”. *TDV Ansiklopedisi* Vol. 10, 365-371.  
<https://cdn.islamansiklopedisi.org.tr/dosya/10/C10003934.pdf>.
- Akgunduz, A. (1996). *Islam Hukukunda ve Osmanli Tatbikatinda Vakif Muessesesi*. Istanbul: Osmanli Araştırmaları Vakfı (OSAV).
- Akgunduz, A. & Ozturk, S. (2011). *Ottoman History: Misperceptions and Truths*, Rotterdam: IUR Press.
- Anon. (2014). *Marvelous Pious Foundations (Waqfs) Throughout History*. Ankara: Directorate General of Foundations Publications.
- Baer, G. (1997) The waqf as a prop for the social system (sixteenth-twentieth centuries). *Islamic Law and Society* 4 (3): 264-297.
- al-Hafiz al-Munziri. (2013). *Ringkasan Sahîh Muslim*. Jil. 1. Muhammad Adly & Muhammad Yusuf, S. (terj.). Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Isin, E. & Üstündağ, E. (2008). Wills, deeds, acts: women's civic gift-giving in Ottoman Istanbul. *Gender, Place and Culture* 15(5): 519-532.
- İnalçık, H. (2012). *The Survey of Istanbul, 1455 the Text, English Translation, Analysis of the Text, Documents*. Istanbul: Türkiye İş Bankası Kültür Yayınları.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2017). *Monograf Wakaf Irsod*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Kermeli, E. (1997). Ebū's Su'ūd's definitions of church vakfs: theory and practice in Ottoman law.  
[http://repository.bilkent.edu.tr/bitstream/handle/11693/51299/Ebu's\\_Su%60ud's\\_definition\\_of\\_church\\_vakfs\\_theory\\_and\\_practice\\_in\\_Ottoman\\_law.pdf?sequence=1](http://repository.bilkent.edu.tr/bitstream/handle/11693/51299/Ebu's_Su%60ud's_definition_of_church_vakfs_theory_and_practice_in_Ottoman_law.pdf?sequence=1).
- Maksudoğlu, M. (2006). “Waqf.” Dalam *Sultaniyya*, ed. ‘Abdalqadir as-Sufi. Cape Town: Madinah Press, 51-77.

- Masters, B. (2009). "Waqf." Dalam *The Encyclopedia of The Ottoman Empire*, ed. Gábor Ágoston & Bruce Masters. New York: Facts on File, Inc., 590-591.
- Meier, A. (2011). "Only good works remain" waqf and the memory of families, Damascus in the 17th and 18th centuries. Dlm. Angelika Neuwirth & Andreas Pflitsch (pnyt.). *Criss and memory in Islamic Societies*. <http://menadoc.bibliothek.uni-halle.de/inhouse/content/pageview/2196103>.
- Mokhtar, Ahmad Irdha. (2016). "Kekangan Wakaf daripada Orang Bukan Islam." *Kosmo*, 12 Februari 2016.
- Muhammad al-Sayyid Yusuf. (2012). *Tafsir Ekonomi Islam Konsep Ekonomi Al-Quran*. Murtadho Ridwan (terj.). Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Mujić, M. (2019). Document on buying Gethsemane garden by three brothers from Bosnia in 1681-text and context. *Edinost in dialog Unity and Dialogue* 74 (2): 61-86.
- Mulalic, M. (2009). "Multiculturalism and EU enlargement: The case of Turkey and Bosnia-Herzegovina." Dalam *East-West Relations: Turkish and Bosnian Perspectives*, ed. Sarajevo: International University of Sarajevo, 173-198.
- Muslim, Abū al-Husayn. (2014). *Ṣahīḥ Muslim*. Juz 7. Bayrut: Dār al-Ta'sil.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji. (2016). *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Jilid 5. Selangor: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Nur Ainul Basyirah Alias, Ermy Azziaty Rozali & Shamsul Azhar Yahya (2019). Toleransi Agama dan Keadilan Sosial di Bosnia & Herzegovina era penguasaan 'Uthmāniyyah abad ke-15 hingga abad ke-17M. *Jurnal al-Tamaddun* 14(2): 89-98.
- Nur Ainul Basyirah. (2021). Pelaksanaan Amalan Wakaf Khilafah 'Uthmāniyyah di Bosnia dan Herzegovina Pada Abad ke-15M Hingga Abad ke-17M. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Özcan, T. (2006). "The legitimization process of cash foundations: an analysis of the application of Islamic law of waqf in the Ottoman society". Kertas Kerja Konferensi the Law of Waqf I. Origins to Ottoman-Era Maturity 2006. Anjuran, Harvard Law School ILSP, Cambridge, 26-28 Mei 2006.
- Özden, N. (2007). A Few Remarks on the History of Bosnia. <http://dergiler.ankara.edu.tr/dergiler/19/1157/13611.pdf>.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riedlmayer, A. (2005). *Convivencia under fire: Genocide and Book-burning in Bosnia*. Yearbook of International Convention of Salvicist Librarians' in Sarajevo 2005.
- al-Šallābī, ‘Alī Muhammad Muhammād. (2011). *al-Dawlah al-‘Uthmāniyyah ‘Awāmil al-Nuhud wa Asbāb al-Suqūt*. Dimasq: Dār Ibn Kathīr.
- Sariyannis, M. (2015). "Ebu's-su'ud." Dalam *Encyclopedia of Renaissance Philosophy*, ed. M. Sgarbi. Springer, Cham. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-02848-4\\_41-1](https://doi.org/10.1007/978-3-319-02848-4_41-1).
- Serdar, A. (2015). "The Impact of Waqfs on Economic Development of the Ottoman Empire: The Case of Western Thrace," Recep Efe, Metin Ayışığı, Ömer Düzbakar & Mehmet Arslan (ed.), *Turkey at The Beginning of 21st century*. Sofia: St. Kliment Ohridski University Press.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid & Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2019). "Konsep harmoni dalam masyarakat Muslim dan bukan Muslim berdasarkan maqasid syariah". (Kertas Kerja di Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam ke-6 (SeIPTI2019), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Gadong, Negara Brunei Darussalam, pada 6 & 7 November. [https://www.researchgate.net/publication/338790045\\_KONSEP\\_HARMONI\\_DALAM\\_MASYARAKAT\\_MUSLIM\\_DAN\\_BUKAN\\_MUSLIM\\_BERASASKAN\\_MAQASI\\_D\\_SYARIAH](https://www.researchgate.net/publication/338790045_KONSEP_HARMONI_DALAM_MASYARAKAT_MUSLIM_DAN_BUKAN_MUSLIM_BERASASKAN_MAQASI_D_SYARIAH).

Solikhul Hadi. (2015). Perkembangan Wakaf dari Tradisi Menuju Regulasi. *Jurnal Zakat dan Wakaf* 2(1): 24.